

Kepentingan sektor Pelancongan terhadap Negara

Perkembangan sektor pelancongan negara telah meninggalkan implikasi positif terhadap ekonomi negara. Justeru itu, pelbagai usaha telah dipergiat oleh kerajaan ekoran kebaikan diperoleh menerusi sektor ini. Peningkatan bilangan pelancong saban tahun membuktikan Malaysia bernilai 'emas' dan harus dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Antara kebaikan sektor pelancongan negara ialah kita dapat meningkatkan imej negara ke seantero dunia. Contohnya, kejohanan perlumbaan kereta Formula1 di Litar Sepang, *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition*, dan *MAHA International* dapat mempopularkan negara kita dalam kalangan pelancong asing. Selain itu, kita dapat membuktikan bahawa negara mampu menjadi tuan rumah bagi sukan berprestij dunia yang lengkap dengan pelbagai kemudahan prasarana.

Selain itu, sektor pelancongan juga dapat meningkatkan pendapatan negara. Mata wang asing akan masuk ke negara kita apabila pelancong asing perlu menukar mata wang negara mereka kepada mata wang Ringgit Malaysia sebelum melakukan perbelanjaan. Pengaliran masuk mata wang asing bukan sahaja menguntungkan entiti perniagaan bahkan dapat digunakan untuk membeli barangan keperluan asas untuk rakyat tempatan dari luar negara.

Tidak dapat dinafikan, sektor pelancongan juga dapat memperkenalkan keunikan budaya Malaysia kepada dunia luar. Hal ini demikian, Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang terdiri daripada kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Iban dan lain-lain. Setiap kaum ini mempunyai adat, budaya, dan cara pemakanan yang berbeza sehingga mampu dijadikan jambatan kedatangan pelancong asing. Warisan budaya yang 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas' dapat diperkenalkan ke serata dunia.

Intihanya, industri pelancongan banyak memberikan sumbangan produktif dari segi ekonomi terhadap negara kita. Oleh itu, semua pihak harus bekerjasama dalam usaha mempromosikan Malaysia di mata dunia supaya duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara luar.

1. Menulis maklumat ke peta minda di bawah.

